

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor seperti yang dinyatakan pada para 3 (i-iv) bagi kerja-kerja berikut : -

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Gred	Pengkhususan	Tempat Dokumen Dijual	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 110/2019	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Kawasan Lapang Di Jalan Hulu Langat Jaya 2, Taman Langat Jaya, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	<b>CIDB G1</b>	<b>CE21</b>	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	50.00	9 Julai 2019 Hingga 23 Julai 2019

2. Penyebutharga yang memasuki sebutharga di atas dinasihatkan membuat lawatan sendiri ke tapak projek bagi memudahkan mengisi kadar harga di dalam dokumen sebutharga yang dibeli.
3. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada penyebutharga yang sah sahaja bermula tarikh **9hb. Julai 2019** sehingga **23hb. Julai 2019**. Untuk maksud ini penyebutharga hendaklah membawa sijil pendaftaran asal seperti berikut:-
- i) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);**
  - ii) **Sijil Taraf Bumiputera (STB);**
  - iii) **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB); dan**
  - iv) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- \* Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.*
4. Salinan-salinan perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang**.
5. Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **pada atau sebelum 23HB. JULAI 2019 (SELASA) JAM 12.00 TENGAHARI.**
6. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

**Bahagian Bekalan Dan Perolehan,  
Jabatan Khidmat Pengurusan,  
b.p Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kajang,  
Menara MPKj,  
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.**